

10, 25, 50 tahun akan datang

PM gariskan cabaran Singapura

PERDANA Menteri, Encik Lee Hsien Loong, semalam membentangkan tiga cabaran yang bakal dihadapi Singapura pada jangka terdekat dan panjang.

Selain isu ekonomi, negara ini berdepan dengan isu penduduk, sedang kadar pertumbuhan penduduk bakal mencapai tahap paling rendah dalam sedekad tahun ini.

Di samping itu, Singapura menghadapi isu memelihara jati dirinya di tengah-tengah arus global, selain garis pemisah seperti penganasan dan isu lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

Encik Lee menggariskan cabaran itu mengikut tempoh 10 tahun, 25 tahun dan 50 tahun semasa berucap di Ceramah Ho Rih Hwa anjuran Universiti Pengurusan Singapura (SMU) di Suntec City semalam.

Beliau berkata setelah menikmati pertumbuhan tinggi selama ini, Singapura kini berdepan dengan cabaran terus mengembangkan ekonominya dalam tempoh 10 tahun bagi meningkatkan kehidupan rakyatnya.

Encik Lee menekankan Singapura tidak boleh terus mengambil pekerja asing untuk mengekalkan pertumbuhan, tetapi ia harus terus meningkatkan daya penghasilan.

"Ia sukar, tetapi Singapura tiada pilihan lain," kata beliau.

Berkenaan isu penduduk, Encik Lee berkata Singapura kini menghadapi perubahan demografik besar sedang kadar pertumbuhan penduduk menjadi perlahan.

Tahun ini, pertumbuhan pendu-

duk akan menjadi paling rendah dalam sedekad. Tahun lalu, bilangan penduduk tumbuh hanya 1.3 peratus.

"Akhirnya, huraian terbaik, bahkan satu-satunya huraian, ialah bagi warga Singapura berumah tangga dan melahirkan anak," ujar Encik Lee.

Perangkaan tahun lalu memberangsangkan, terdapat 24,000 perkahwinan dan 33,200 bayi warga Singapura dilahirkan – kedua perangkaan tertinggi dalam sedekad sebelumnya.

Pada jangka panjang pula, Singapura perlu mengekalkan semangat watan dan memperkuhi jati dirinya, meskipun warganya akan menjadi lebih selesa tinggal dan bekerja di luar negara.

"Tetapi jika kita menjadi terlalu selesa di luar negara hingga kita tidak lagi anggap Singapura sebagai tanah air sebenar-benarnya, dan sebahagian besar bakat kita ke luar negara bagi mencari cabaran atau rezeki, teras kita tidak akan berkekalan," ujar Encik Lee.

Satu lagi bahaya ialah garis pemisah, seperti bangsa dan agama, isu LGBT, jurang miskin-kaya, dan faktor luar seperti penganasan.

Encik Lee menekankan bahawa Singapura perlu kepimpinan bertanggungjawab, komited pada negara ini, serta boleh menggembleng sokongan rakyat untuk menjadikan 50 tahun akan datang sebaik apa yang dicapai sepanjang 50 tahun lalu.



ENCK LEE HSIEN
LOONG